

Pelajar lelaki dihantar ke Sekolah Henry Gurney kerana berniaga, miliki bahan lucah kanak-kanak


KUCHING: Mahkamah Sesyen semalam memerintahkan seorang pelajar lelaki tingkatan enam untuk dihantar ke Sekolah Henry Gurney Kuching sehingga dia berusia 21 tahun kerana terlibat dalam berkaitan pornografi kanak-kanak dan memiliki bahan tersebut di dalam telefon pintarnya.

Hakim Musli Ab Hamid memerintahkan pesalah muda berusia 19 tahun itu menjalani kaunseling pemulihan sepanjang tempoh tahanan di Sekolah Henry Gurney, selari dengan Seksyen 26(1) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017.

Musli seterusnya memerintahkan tertuduh dikenakan pengawasan polis selama dua tahun di bawah seliaan Balai Polis Bau selepas dibebaskan dari sekolah tersebut, mengikut Seksyen 27(1) SOACA 2017.

Selain itu, mahkamah mengarahkan pihak pentadbiran sekolah untuk memastikan pesalah muda berkenaan menyempurnakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Semalam merupakan



TERIMA HUKUMAN: Tertuduh (tengah) diiringi anggota polis keluar dari kamar Mahkamah Sesyen semalam setelah dijatuhkan hukuman.

sebutan semula kes untuk mendengar laporan sosial tertuduh.

Tertuduh terdahulu mengaku bersalah pada 10 April 2026 apabila didakwa atas dua pertuduhan.

Bagi pertuduhan pertama, dia didakwa terlibat dengan perniagaan berkaitan pornografi kanak-kanak dan seterusnya didakwa mengikut Seksyen 8 SOACA 2017

dibaca bersama Seksyen 8 Akta sama.

Seksyen berkenaan memeruntukkan hukuman penjara maksimum 15 tahun dan boleh disebat minimum tiga sebatan, jika sabit kesalahan.

Pertuduhan kedua di bawah Seksyen 10 SOACA 2017 pula menyaksikan dia didakwa memiliki bahan pornografi kanak-kanak di dalam telefon

pintar miliknya.

Jika sabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda maksimum RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukannya sekitar jam 9.10 malam pada 7 April 2026 di sebuah kampung di Bau.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa

Raya Marvind Kaliyani, sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Media terdahulu melaporkan seorang remaja lelaki berusia 19 tahun ditahan dalam satu serbuan di Bau pada 8 April 2026 sekitar jam 6.10 petang hasil risikan berdasarkan maklumat diperoleh pihak polis sebelum ini.

Sehubungan itu, Ketua Polis Daerah Bau Superintenden Mohd Haide A. Rahman menerusi kenyataan berkata, hasil pemeriksaan terhadap peranti milik remaja berkenaan mendapati terdapat sebanyak 936 video lucah dan 4,035 gambar pornografi disimpan dalam telefon pintarnya.

“Siasatan awal mendapati suspek dipercayai mengakses laman web lucah melibatkan kandungan dewasa dan kanak-kanak, selain menjalankan aktiviti jual beli bahan tersebut melalui aplikasi Telegram serta mempromosikannya di platform media sosial,” katanya.

Tambahnya, suspek turut mengaku menjadikan aktiviti tersebut sebagai sumber pendapatan.